

05 JAN 2000

Abdullah-Pecat

JAWATANKUASA DISIPLIN CADANG 69 AHLI DIPECAT DARI UMNO

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa Disiplin Umno akan memperakukan kepada Majlis Tertinggi Umno supaya memecat 69 orang anggota termasuk dua yang dicadangkan dipecat seumur hidup daripada parti.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi berkata, mereka yang dicadangkan untuk dipecat seumur hidup itu ialah anggota parti yang bertanding sebagai calon parti pembangkang dalam pilihan raya umum lepas.

Mereka ialah Usaili Alias, yang bertanding sebagai calon parti Keadilan untuk kerusi Dewan Undangan Negeri Bota di Perak, dan Mohd Azmi Lop Yusoff yang bertanding sebagai calon Pas untuk kerusi negeri Bandar di Terengganu, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno di ibu pejabat parti di sini petang ini.

Abdullah, yang menjalankan tugas Timbalan Presiden Umno berkata, 67 anggota lain dicadangkan dipecat kerana didapati belot kepada parti semasa pilihan raya umum 29 Nov lepas.

Mereka termasuk Azmi Salleh dan Mohamad Embong dari Terengganu yang mengisytihar diri keluar parti dan menyertai PAS serta Datuk Syed Omar atau Abu Bakar Abdullah juga dari Terengganu kerana berkempen untuk PAS.

Selebihnya ialah 64 anggota dari bahagian Sepang.

Abdullah berkata lebih 30 anggota pula akan diberi surat tunjuk sebab kenapa tindakan disiplin tidak boleh dikenakan terhadap mereka.

Jawatankuasa Pengurusan Umno pula membincangkan persediaan untuk kursus pertama parti yang akan diadakan di ibu pejabat Umno yang dijadualkan pada 11 Jan ini.

Katanya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Presiden Umno akan menjadi penceramah utama pada kursus sehari itu yang akan dihadiri oleh anggota Majlis Tertinggi dan 65 anggota parti yang akan dihantar oleh badan-badan perhubungan Umno negeri.

"Dalam ceramah ini aspek yang berkaitan dengan perjuangan Umno, isu-isu penting yang dihadapi oleh Umno sekarang ini, akan dikupas," katanya.

Abdullah berharap pertemuan pertama itu dapat menghasilkan beberapa kesimpulan untuk dijadikan asas untuk membentuk satu kurikulum bagi latihan seterusnya untuk anggota parti.

-- BERNAMA

AFY MAI